

UNDI 18

PEMBAHARUAN SISTEM ELEKTORAL

Perkembangan mutakhir pembaharuan sistem elektoral di Malaysia menerusi undi 18 tahun menyaksikan 5.8 juta bakal pemilih diseru melakukan Semakan Pra-Pendaftaran Pemilih Automatik (SPPA) sebelum 31 Oktober 2021 dengan harapan dapat digunakan seawal Februari 2022.

Di Sarawak menyaksikan Mahkamah Tinggi Kuching telah mengarahkan #Undi18 dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021 agar sekurang-kurangnya 125 000 orang (hingga 135 000 orang) pengundi baharu yang berumur di antara 18 hingga 20 tahun dapat mengambil bahagian dalam pilihan raya Sarawak yang perlu diadakan kerana telah tamat tempoh lima tahun pada 6 Jun 2020.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang kebetulan juga dari Sarawak pada 10 September 2021 mengumumkan Jemaah Menteri telah memutuskan kerajaan tidak akan membuat rayuan terhadap keputusan mahkamah pada 3 September 2021 tersebut secara tidak langsung juga menunjukkan komitmen kerajaan untuk melaksanakan proses itu seawal mungkin.

Pindaan perlembagaan harus dituruti dengan pindaan semua perundangan yang berkaitan dengan proses perjalanan pilihan raya dipinda bagi membolehkan undi 18 tahun dilaksanakan. Sejauh manakah undang-undang atau peraturan berkaitan digubal dan berapakah lama lagi masa diperlukan untuk menyelesaikannya?

Dua pertiga ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat pada Julai 2019 telah meluluskan Rang Undang-undang (RUU) meminda Perkara 119(1)(a) dan Perkara 47(b) dalam Perlembagaan Persekutuan bagi menurunkan umur mengundi dan

kelayakan bertanding daripada umur 21 tahun kepada 18 tahun, bersama-sama dengan Perkara 119(4), yakni pendaftaran secara automatik. Dalam erti kata lain, semua rakyat yang sudah berumur 21 tahun ke atas sebelum ini yang belum mendaftar sebagai pengundi secara automatik akan menjadi pengundi.

Terdapat beberapa pilihan raya kecil (PRK) sebelum ini (PRK Tanjung Piai, Johor November 2019; PRK Kimanis, Sabah Januari 2020; PRK DUN Chini Julai 2020; PRK DUN Slim Ogos 2020), termasuklah Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang diadakan pada September 2020 menyaksikan undi 18 tahun belum lagi sedia diguna pakai. Undi 18 tahun hampir sudah pasti tidak sempat digunakan untuk PRN Melaka (November 2021) dan belum pasti lagi dapat diguna untuk PRN Sarawak yang sepatutnya diadakan sebelum 7 September 2021, namun tertangguh disebabkan oleh proklamasi darurat pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, perkara penting yang perlu segera diselesaikan pada ketika ini untuk membolehkan undi 18 tahun dilaksanakan adalah Pindaan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan semua perundangan, serta peraturan berkaitan dengan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), termasuklah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pendaftaran Secara Automatik

Pendaftaran secara automatik menjadi pengundi akan menyaksikan sebanyak 4.2 juta warganegara Malaysia (sebelum ini) yang sudah berumur 21 tahun dan layak menjadi pengundi belum mendaftar sebagai pengundi dimasukkan secara automatik ke dalam daftar pemilih oleh SPR.

Pembaharuan sistem elektoral di Malaysia ini menganggarkan penambahan sebanyak 7.8 juta pengundi menjelang tahun 2023 (untuk PRU15 sekiranya tidak dibubarkan lebih awal).

Yang menariknya, perbandingan statistik menunjukkan bahawa sebenarnya hanya sekitar 30 peratus daripada jumlah pengundi baharu berumur di antara 18 hingga 21 tahun, manakala 70 peratus daripadanya merupakan mereka yang sudah berumur 21 tahun dan ke atas yang belum mendaftar sebagai pengundi (disebabkan oleh pendaftaran secara automatik).

Satu daripada isu yang menjadi keprihatinan rakyat umum ialah berkaitan dengan alamat pengundi baharu melalui pendaftaran secara automatik tersebut yang menjadikan mereka pengundi berdasarkan alamat dalam MyKad mereka. Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC) di bawah Jabatan Perdana Menteri mempunyai laporan komprehensif dan cadangan holistik menerusi kajian dan sesi libat urus bersama-sama orang awam dan pemegang taruh. Keadaan boleh menjadi lebih rumit sekiranya tempoh hari kerajaan turut melaksanakan pengundian wajib.

Menyelami Aspirasi Generasi Muda

Penyertaan daripada generasi muda seawal usia 18 hingga 20 tahun dijangkakan akan memperkenalkan lebih banyak dasar yang lebih inklusif dengan golongan muda. Umur 18 hingga 20 tahun bermaksud sama ada mereka sedang berada di prauniversiti (tingkatan 6), matrikulasi, kolej dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam ataupun swasta. Mungkin juga sebahagiannya telah keciciran sekolah atau berada di institusi kemahiran.

Kerajaan dan SPR juga perlu mempertimbangkan alternatif kepada

pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di Universiti Awam (UA) yang sudah pastinya menjadi Pengundi Luar Kawasan (PLK) sama ada boleh mengundi secara pos atau menjadi pengundi di kawasan (DUN atau Parlimen) institusi pengajian mereka terletak.

Apakah kursus atau mata pelajaran di sekolah yang dirancang untuk menanam nilai atau mendidik anak Malaysia sebagai pengundi yang bijaksana dan bertanggungjawab? Sebagai pengundi pertama kali pada pilihan raya, pelbagai persoalan akan timbul, terutamanya kecenderungan mereka yang menjurus kepada mana-mana pihak.

Oleh itu, sebagai warga pendidik dan ahli akademik, mereka seharusnya menjadi pemimpin untuk memberikan pendapat yang berpengaruh mempengaruhi pola pengundian pengundi muda ini. Kerajaan perlu lebih peka dengan keperluan dan kebajikan murid-murid serta guru-guru di sekolah. Suara mahasiswa perlu diberikan lebih perhatian, didengari dan diteliti daripada mengeluarkan “gag order” (sumbat mulut) sebagai tekanan kepada mereka.

Sebarang dasar atau polisi baharu yang diperkenalkan perlu dikaji dengan lebih teliti untuk mengelakkan tanggapan serong (terpesong) kepada pelajar sehinggakan menjadi “tikus putih” untuk melakukan eksperimen bagi dasar atau polisi baharu.

Menguruskan Persepsi Awam

Tidak dapat dinafikan akan wujudnya perasaan skeptikal, was-was, prejudis dan bias dalam sebahagian masyarakat terhadap kematangan remaja berumur 18 tahun untuk mengundi apatah lagi menjadi calon. Tidak mustahil ada yang mempersoalkan remaja 18–20 tahun masih menasih yang saku daripada ibu bapa atau orang tua mereka.

Namun begitu, semua pihak harus berganding bahu bersama-sama untuk menguruskan persepsi publik untuk mendapatkan kepercayaan semua pihak bahawa undi 18 tahun boleh dilaksanakan untuk kebaikan bersama. Hal ini kerana terdapat juga kekhuatiran terhadap majoriti golongan senyap yang meragui undi 18 tahun. Menguruskan persepsi

publik ini sangat penting kerana tidak mustahil kerajaan terpaksa melakukan pusingan U atau tarik balik sesuatu dasar, seperti GST (cukai barangan dan perkhidmatan) apabila persepsi itu gagal diuruskan dengan baik.

Cabaran akan menjadi lebih mudah diuruskan apabila terdapat usaha untuk meningkatkan literasi politik menerusi sistem pendidikan sedia ada. Sesuatu inovasi juga pastinya ada pertama kali seperti sewaktu kerajaan mula-mula memperkenalkan dakwat kekal yang mula digunakan pada PRU13 (rancangan asal mula digunakan pada tahun 2008).


Polemik Lama yang Belum Selesai

Pada masa yang sama, kerajaan juga harus memastikan segala polemik yang menjejaskan kredibiliti SPR selama ini diberikan perhatian dengan lebih serius apatah lagi jikalau dapat diselesaikan harus diselesaikan dengan segera. Hal ini termasuklah berita palsu yang berkaitan dengan proses perjalanan pilihan raya yang bermotif menjatuhkan kredibiliti SPR dan cerita yang direka semata-mata untuk mengalahkan pihak lawan.

Sebelum ini, setiap kali menjelang pilihan raya, pastinya timbul isu “pengundi hantu” atau “pengundi mencurigakan” yang dimainkan oleh pihak pembangkang. Sejauh manakah dakwaan tersebut dan adakah SPR sudah bersedia untuk menjawab segala tomanhan (seperti pengundi import dari Bangladesh atau jari palsu yang membolehkan mereka mengundi lebih daripada sekali) dengan segera? Hal ini mencerminkan kredibiliti dan akauntabiliti SPR dari kaca mata rakyat.

Apabila rakyat meragui kredibiliti SPR, kebiasaannya rakyat akan mengundi pihak yang melawan kerajaan memerintah. SPR perlu proaktif dalam menjelaskan pertuduhan yang tidak benar dengan segera. Jika perlu, SPR perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap individu atau pihak yang menyebarkan berita palsu.

Kerajaan juga perlu memastikan Daftar Pengundi dibersihkan kerana laporan RCI dan kes kerusi Likas 1999 jelas mendedahkan kewujudan masalah yang dibimbangi, namun tiada pihak yang boleh mengesahkan atau memberikan angka



(statistik) yang tepat berkaitan dengan jumlah pengundi di Sabah.

SPR meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk memperoleh senarai daftar pemilih baharu. Dalam suatu sesi libat urus antara SPR dengan masyarakat, dikatakan demikian bahawa bukan tanggungjawab SPR menyasiat dan mengesahkan kesahihan dokumen pengenalan diri seseorang. Dalam konteks ini, negara perlu mempunyai suatu mekanisme untuk semak dan imbang data.

Apakah yang mendorong ahli Parlimen sebulat suara menyokong RUU pada Julai 2019? Adakah mereka sudah dapat melihat potensi undi ini akan memihak kepada siapa? Tanggapan pengundi muda cenderung antipenubuhan akan mengundi blok pembangkang hanyalah merupakan suatu hipotesis yang perlu diuji kebenarannya.

Remaja yang sering kali dikaitkan dengan sikap devian kemungkinan akan menunjukkan perasaan protes terhadap ibu bapa mereka dengan mengundi parti atau calon yang bertentangan dengan pilihan keluarga mereka. Pada masa yang sama, kita tidak boleh melupakan isu kesihatan dan keselamatan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 biarpun negara hampir mencapai imuniti berkelompok dan pandemik bertukar kepada endemik.

Soal tatacara pelaksanaan perjalanan pilihan raya seperti sama ada pengundi yang telah disahkan positif COVID-19 mahupun bergejala dan sedang dikuarantin dibenarkan ke pusat mengundi untuk mengundi pastinya memerlukan usaha yang lebih terperinci untuk memperhalusinya.

Apa-apapun undi 18 merupakan platform kepada muda-mudi supaya suara mereka lebih didengari. □